


# PLKN, BTN mansuh serta-merta

KOS MO 14/08/2018 M/S 03

Oleh NORAINI HASSAN BASRI dan HARIZ KAMARUDIN

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan Pakatan Harapan (PH) akhirnya memansuhkan dua buah program di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN) iaitu Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) serta Biro Tatanegara (BTN) berkuatkuasa serta-merta.

Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata, keputusan itu telah dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu setelah mendapati PLKN dan BTN telah disalahgunakan bagi tujuan indoktrinasi fahaman tertentu.



SYED SADDIQ

Katanya, kedua-dua program berkenaan akan digantikan dengan program baharu yang akan diuruskan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan memberi fokus dalam membentuk belia yang berwawasan.

“Di bawah BTN dan PLKN ada infrastruktur, aset dan penjawat awam sedia ada. Persoalannya apa akan jadi pada mereka?”

“Justeru, KBS telah menghubungi pihak Khazanah Nasional untuk mengadakan perjumpaan dalam tempoh terdekat bagi mengadakan kolaborasi supaya modul baharu tersebut benar-benar memperkasakan anak muda,”



PROGRAM Latihan Khidmat Negara telah diperkenalkan kerajaan BN sejak tahun 2004 melibatkan pelajar lepasan SPM.



SALAH sebuah Kem Bina Negara di bawah Biro Tatanegara yang menjadi lokasi latihan dan kursus untuk peserta terutamanya golongan belia.

katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen di sini semalam.

Sebelum ini, kerajaan PH memang dikhabarkan akan memansuhkan BTN serta PLKN kerana mendapati ia ditubuhkan untuk kepentingan BN.

Dalam pada itu, Syed Saddiq memberitahu, program iMalaysia for Youth (iM4U) juga akan distrukturkan semula setelah mendapati objektif program tersebut

telah disalahgunakan.

“Apabila iM4U mula ditubuhkan, objektifnya adalah baik iaitu menyemai semangat kesukarelawan.

“Bagaimanapun, program itu telah disalahgunakan sesetengah pemimpin politik sebagai platform kempen ‘I Love PM’.

“Jadi kami mahu memastikan iM4U memfokus kepada budaya sukarelawan,” ujarnya.

## INFO BTN dan PLKN

### PLKN

- Mula diperkenalkan pada tahun 2004
- Merupakan kursus latihan wajib selama tiga bulan
- Peserta dipilih dalam kalangan lekatan Sijil Pelajaran Malaysia
- Bertujuan membina sahsiah diri, mengukuhkan semangat patriotisme, memupuk perpaduan kaum
- Terdapat 82 kem PLKN di seluruh negara
- Sepanjang 14 tahun lalu, kerajaan membelanjakan sebanyak RM8.43 bilion untuk program tersebut



### BTN

- Ditubuhkan pada tahun 1974 di bawah Program Belia dan dikenali sebagai Unit Penyelidikan Belia,
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Ditukar nama kepada Biro Tatanegara pada Jun 1982
- Mempunyai 14 cawangan negeri dan 17 Kem Bina Negara serta sebuah akademi iaitu Akademi Kenegaraan



## INFO Antara kem PLKN di Malaysia

### Perlis

- Kem PLKN Guar Chenderai, Kem PLKN Tasoh

### Kedah

- Kem PLKN Bukit Besar, Kem PLKN Sri Kandi, Kem PLKN Lagenda Seri Negeri Langkawi

### Pulau Pinang

- Kem PLKN Syruz Bukit Mertajam, Kem PLKN White Resort

### Perak

- Kem PLKN Kota Lama, Kem PLKN Teluk Rubiah, Kem PLKN Akademi Kepimpinan Segari

### Selangor

- Kem PLKN Jugra, Kem PLKN Pelangi Hill Resort, Kem PLKN Princess Haliza

### Negeri Sembilan

- Kem PLKN De Bana, Kem PLKN Ulu Pari

### Melaka

- Kem PLKN Jaya Gemilang A'Famosa, Kem PLKN Putra Putri

### Johor

- Kem PLKN Pusat Bina Semangat YPJ, Kem PLKN PTH Padang Hijau, Kem PLKN Sembrong

### Pahang

- Kem PLKN Cahaya Gemilang, Kem PLKN Semarak, Kem PLKN Indra Pahlawan

### Kelantan

- Kem PLKN Latihan Etnobotani, Kem PLKN ...

# PLKN program yang sangat baik, dakwa para pelatih

**KUALA LUMPUR** - Pemansuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mendapat reaksi negatif sege-lintir golongan belia terutamanya mereka yang pernah terlibat dalam program tersebut.

Menurut Sofia Ismail, 32, PLKN merupakan pro-



**SOFIA**

na program ini boleh diteruskan

gram yang sangat baik dalam memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai pelbagai aspek kehidupan.

“Sayang sekiranya ia dimansuhkan. Mungkin kerajaan boleh mencari langkah terbaik bagaimana program ini boleh diteruskan

dengan pengurangan kos yang efektif,” katanya.

Sementara itu, penjawat awam, Abu Zarim Hamzah, 30, yang menyertai PLKN pada tahun 2006 berkata, program tersebut membentuk disiplin dan jati diri yang tinggi.

“Banyak perkara kita belajar daripada program tersebut dan ia terbukti berjaya membina keyakinan dalam diri be-

lia,” katanya.

Dalam pada itu bekas jurulatih PLKN, Jauriah Hamzah, 34, mengakui sedih apabila mendapat tahu berita program itu akan dimansuhkan.

“Ramai pelatih yang dapat membina jati diri melalui program ini dan memperoleh keyakinan daripada seorang yang pemalu kepada seorang lebih proaktif,” katanya.

Latihan Batu Jong  
Cancun Park, Kem PLKN  
Latihan Batu Jong

## Terengganu

- Kem PLKN Saujana Jabi Impian, Kem PLKN Cenderawasih

## Sabah

- Kem PLKN KK Di Bawah Bayu, Kem PLKN Wawasan,

## Sarawak

- Kem PLKN Miri, Kem PLKN Junaco Park, Kem PLKN Similajau

\* Terdapat lebih 80 kem PLKN di seluruh negara